

Ilmu Bahasa Arab Menurut Perspektif Ibn Khaldun

BITARAVolume 1, Issue 2, 2018: 026-035
© The Author(s) 2018
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[The Linguistics of Arabic Language According to Ibn Khaldun's Perspective]

Nor Asyikin Hasan Adali¹ & Suhaila Zailani @ Ahmad¹

Abstrak

Keunggulan dan kehebatan Ibn Khaldun sebagai seorang tokoh ilmuwan banyak dibincangkan oleh tokoh-tokoh sarjana di Timur dan Barat dari pelbagai dimensi seperti sejarah, falsafah, politik, ekonomi, sosiologi dan pendidikan. Namun, bidang bahasa Arab tidak menjadi tujahan utama penulisan dan pengkajian mengenai Ibn Khaldun. Menurut Ibn Khaldun, terdapat empat jenis ilmu yang menjadi teras utama kepada bahasa Arab iaitu ilmu *lughah* (linguistik), ilmu nahu (tatabahasa), ilmu bayan (gaya bahasa), dan ilmu adab (kesusasteraan). Maka, pengkajian yang dilakukan ini merupakan suatu percubaan baharu untuk menyorot dan menganalisis sekitar hubungan kait Ibn Khaldun dengan ilmu bahasa Arab. Kajian ini berteraskan kaedah kualitatif berbentuk analisis kandungan. Sumber rujukan utama kajian ini ialah Kitab *Muqaddimah Ibn Khaldun* terbitan Dar al-Fikr, Bayrut tahun 1981. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa Ibn Khaldun mampu mengulas secara terperinci, tersusun dan mengikut turutan kronologi berhubung ilmu bahasa Arab menggunakan pendekatan sejarah. Dalam Kitabnya juga, Ibn Khaldun menyebut 13 nama tokoh Nahu dan 7 judul kitab Nahu yang terkemuka. Kajian ini penting khususnya kepada para pendidik, penyelidik dan pelajar yang terlibat dalam bidang bahasa Arab dalam memberi nilai tambah kepada kualiti PdP dan silibus.

Kata Kunci

Ibn Khaldun, kitab *Muqaddimah*, ilmu bahasa Arab.

Abstract

The greatness of Ibn Khaldun as a scholar has been extensively debated by scholars in the East and West in various aspects, such as history, philosophy, politics, economics, sociology and education. Nevertheless, the Arabic field was not the main subject of Ibn Khaldun's writing and research. According to Ibn Khaldun, four types of knowledge are the core of the Arabic language: linguistics (linguistics), grammar (grammar), folk (language style), and manners (literature). This research is, therefore, a new effort to illustrate and examine the relationship of Ibn Khaldun to the Arabic language. This study is based on qualitative methods of content analysis. Ibn Khaldun's *Muqaddimah Book of Dar al-Fikr, Bayrut in 1981* is the main source of the study. The results of this study indicate that Ibn Khaldun was able to comment in-depth, organized and chronological order on the Arabic language using historical techniques. Ibn Khaldun also lists in his Book, 13 names of influential Nahu characters and 7 prominent Nahu titles. This study is of special interest to educators, researchers and students working in the Arabic language to enhance the performance of teaching and learning as well as the syllabus.

Keywords

Ibn Khaldun, the book *Muqaddimah*, the science of Arabic.

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.

Corresponding Author:

SUHAILA ZAILANI @ AHMAD, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia
E-mail: suzail@ukm.edu.my

Cite This Article:

Nor Asyikin Hasan Adali & Suhaila Zailani @ Ahmad. 2018. Tinjauan literatur pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(2): 26-35.

Pengenalan

Bahasa Arab merupakan satu-satunya bahasa Semit dengan bilangan penutur yang paling banyak, dianggarkan melebihi 150 juta orang penutur. Ia merupakan satu-satunya bahasa utama di seluruh dunia Arab, iaitu Mesir, Sudan, Libya, dan negara-negara Afrika Utara. Bahasa Arab juga merupakan bahasa minoriti di negara-negara lain seperti Nigeria, Iran dan Soviet Union. Malah ia merupakan bahasa utama negara-negara bukan Arab seperti republik Chad di Afrika Tengah. Tambahan pula, bahasa Arab digunakan secara meluas di seluruh dunia Islam sebagai bahasa kedua (*Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia* 1998: 24).

Setiap bahasa termasuk bahasa Arab mempunyai sistem yang tersendiri bagi memastikan keaslian dan keterampilan bahasa tetap terpelihara. Dalam ilmu linguistik, perbahasan berkenaan bahasa Arab merangkumi kerangka ilmu fonologi, morfologi, sintaksis, dan semantik. Sintaksis Arab merupakan salah satu ilmu yang amat mendalam dan meluas kerana ia berkait rapat dengan kitab suci al-Quran (Suhaila Zailani et al. 2012). Menurut Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah*, ilmu sintaksis merupakan teras paling utama dalam mempelajari bahasa Arab dan salah satu dari empat rukun yang amat penting untuk memahami al-Quran, Sunnah dan hukum-hukum Syari'ah. Berasaskan kepada perkara ini, pengkaji memfokuskan kajian kepada perbincangan berkisar ilmu nahu yang disebut oleh Ibn Khaldun dalam kitab *Muqaddimah* beliau.

Riwayat Kehidupan Ibn Khaldun

Nama beliau yang lengkap ialah 'Abd al-Rahman ibn Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad ibn al-Hasan ibn Muhammad ibn Jabir ibn Muhammad ibn Ibrahim ibn 'Abd al-Rahman ibn Khaldun. Panggilan Ibn Khaldun adalah merujuk kepada moyangnya iaitu Khalid ibn 'Uthman yang merupakan Bani Khaldun pertama yang memasuki Andalusia bersama para penakluk berkebangsaan Arab lainnya pada awal abad ke-3 H / 9 M. Ibn Khaldun dilahirkan di Tunisia pada 1 Ramadan 732 H bersamaan 27 Mei 1332 M (Osman & Baharudin 2009: 89). Asal keturunannya adalah dari Arab Hadramaut, Yaman (Enan 2012: 4).

Semenjak kecil sehingga zaman remajanya di Tunis, Ibn Khaldun telah mempelajari tiga bidang utama. Pertama, pengajian Islam yang meliputi ilmu al-Qur'an, *al-Hadith*, dan perundangan Islam (*fikh*) terutama dalam mazhab Maliki. Kedua, bidang ilmu bahasa Arab yang mencakupi ilmu nahu, *saraf*, kesusasteraan dan *balaghoh*. Ketiga, ilmu tentang logik, falsafah, sains semula jadi, dan matematik (Osman & Baharudin 2009: 31).

Bapa Ibn Khaldun juga merupakan guru *fiqh* dan bahasa Arab beliau yang pertama. Selain dari bapanya, Ibn Khaldun belajar bahasa Arab dengan sekumpulan ulama bahasa Arab yang hebat. Antaranya ialah Abu 'Abd Allah ibn al-'Arabi al-Hasari, Muhammad ibn al-Shawwash al-Zarzali, Abu al-'Abbas Ahmad ibn al-Qassar yang merupakan ulama yang pakar dalam ilmu nahu dan Muhammad ibn Bahr yang merupakan 'tokoh hujah' dalam bahasa Arab dan kesusasteraan di Tunisia (Ibn Khaldun 1968: 811).

Ketika berumur 16 tahun, Ibn Khaldun telah menguasai hampir seluruh ilmu-ilmu agama dan bahasa. Setelah itu, beliau telah cuba untuk meluaskan ilmunya di dalam ilmu falsafah dan logik. Keadaan ini tidak bertahan lama, serangan wabak taun yang berlaku pada tahun (1349M/749H) menuntut Ibn Khaldun untuk mengembara demi menyempurnakan tuntutan pendidikan dan kerjaya beliau serta kecintaan beliau yang begitu mendalam terhadap ilmu (Rahman 1992: 46). Ibn Khaldun telah pergi ke Fez, Andalus, Bougie, Biskra, Qal'ah Ibn Salamah, Tunis, dan Mesir. Beliau meninggal dunia di Kaherah pada 17 Mac 1406 M bersamaan 25 Ramadan 808H pada usia 76 tahun dan dimakamkan di permakaman sufi di Bab al-Nasr iaitu perkuburan bagi orang-orang terkemuka dan ulama (Ulis Dwi Wardani 2009: 82).

Kitab Muqaddimah

Sepanjang kehidupan Ibn Khaldun, beliau telah menghasilkan hasil karya yang hebat dan tidak dapat ditandingi oleh cendekiawan yang lain. Antara karya beliau yang utama ini ialah *Kitab al- 'Ibr wa Diwan al-Mubtada' wa al Khabr fi Ayyam al- 'Arab wa al- 'Ajam wa al-Barbar wa man 'Asarahum min Dhawi al-Sultan al-Akbar'* yang lebih dikenali sebagai kitab *al- 'Ibr* (Enan 1979: 134). Kitab *al- 'Ibr* terbahagi kepada dua bahagian iaitu kitab *Muqaddimah* dan *al-Tarikh* (al-Shimali 1979: 699-700).

Kitab *Muqaddimah* yang merupakan bab pertama dari kitab *al- 'Ibr* telah menaikkan nama Ibn Khaldun setaraf dengan barisan pemikir-pemikir agung dalam tempoh yang begitu singkat. Kitab *Muqaddimah* mengandungi pelbagai informasi sosiologi dan sebahagian besar elemen yang terkandung di dalamnya amat unik dan berbeza berbanding karya-karya sarjana Barat sama ada di zaman klasik mahupun zaman pertengahan (Maria 2001: 52).

Ibn Khaldun memulakan *Prolegomenanya* dengan bertanyakan kepentingan sejarah dan jenisnya, dan kesilapan yang dilakukan ahli sejarah dalam merakamkan catatan sejarah dan peristiwa, sama ada bertindak mengikut tujuan dan sikap berat sebelah, kejahilan tentang undang-undang sosiologi dan keadaan masyarakat, berkehendakkan ketepatan dan penyiasatan dalam menganggarkan yang mungkin dan tidak mungkin. Beliau kemudiannya memberikan beberapa contoh yang dibincangkan olehnya dalam cubaan untuk menunjukkan kesilapan yang terdapat padanya. Contohnya, dapat dilihat daripada sebab-sebab yang beliau berikan untuk menyanggah cerita al-'Abbassah, adik perempuan al-Rashid dengan Ja'far al-Barmaki, serta pembelaannya terhadap peribadi al-Rashid dan al-Ma'mun (Enan 2012: 81).

Dalam bab kedua, Ibn Khaldun membincangkan tentang pelbagai jenis masyarakat nomad, ciri-ciri masyarakat Badwi dan membandingkannya dengan masyarakat bandar. Dengan itu, Ibn Khaldun telah mengemukakan satu daripada teori sosial baharu yang dinamakannya *'asabiyyah* (semangat negeri atau dinasti). *'asabiyyah* adalah asal usul kuasa dan pengaruh atau negeri dalam masyarakat nomad. Matlamat *'asabiyyah* adalah kedaulatan. Maka, Ibn Khaldun bercakap tentang ciri-ciri kedaulatan, perbezaan tentang jenis mengikut negara tempat ia muncul, dan kesan penaklukan ke atas negara yang ditakluki (Enan 2012: 82). Ibn Khaldun kemudiannya menceritakan tentang orang Arab. Perbincangan tentang subjek ini adalah menarik meskipun dengan kekerasan dan berat sebelah. Beliau memberikan gambaran orang Arab sebagai bangsa yang ganas dan penaklukannya dibuat demi rampasan dan kemusnahan. Orang Arab hanya berjaya di dataran yang mudah dan tidak berani untuk merentasi gunung atau dataran tinggi. Apabila mereka menakluki sesebuah negara, tidak lama setelah itu ia akan

menjadi terbiar disebabkan sifat nomad, keingkaran dan sikap tidak berdisiplin mereka yang bercanggah dengan masyarakat yang teratur (Enan 2012: 82-83).

Dalam bab ketiga, Ibn Khaldun membincangkan tentang negara dan kedaulatan. Menurut beliau, negara wujud melalui kekuatan perkauman dan *'asabiyyah*, mempunyai ciri-ciri dan bentuk tertentu yang berbeza mengikut siapa yang mengawalinya. Doktrin keagamaan juga ada kesannya dalam menguatkan negara, tetapi doktrin yang sedemikian tidak boleh didukung tanpa *'asabiyyah*. Pertentangan melemahkan negara dan mempercepatkan kejatuhannya. Kualiti kedaulatan sesebuah negara adalah memonopoli kecemerlangan, kemewahan, keselesaan dan keamanan (Enan 2012: 84).

Dalam bab empat *Muqaddimah*nya, Ibn Khaldun membincangkan topik tentang negara dan bandar, asal usul pekan, ciri dan keadaannya yang berbeza seperti kesuburan dan kemajuan, kegersangan dan kemiskinan, serta kesan yang melangkaui jauh di luar negara tempat bandar ini berada. Kemudian kecenderungan puak Badwi berkaitan pekan dan bergantung pada tahap tamadun dalam negara, tentang keadaan negeri, tamadun sebagai objektif terakhir masyarakat dan penghujung hayatnya, bahawa akhirnya membawa kepada rasuah, perbezaan antara negara dalam hasil tanaman, industri dan bahasa (Enan 2012: 85).

Dalam bab lima, Ibn Khaldun bercakap tentang mata pencarian, cara memperoleh pendapatan dan mengumpul kekayaan. Kemudiannya tentang perdagangan, bekalan dan permintaan, monopoli, harga dan tentang perniagaan, cabang dan keadaannya dalam bentuk umum dan memberikan tumpuan dalam satu bab khas untuk setiap cabang perniagaan utama seperti pertanian, pembinaan, penenunan, perbidanan, dan perubatan (Enan 2012: 85).

Dalam bab terakhir, Ibn Khaldun menceritakan tentang sains dan pendidikan. Menurut beliau, ilmu pengetahuan adalah salah satu ciri tamadun yang bercambah dan berkembang di tempat tamadun berlangsung. Beliau kemudiannya bercakap tentang sains keagamaan dan sosial yang pelbagai jenis (ketuhanan dan manusia) dengan bab yang panjang lagi menyeronokkan tentang wawasan, magik, rahsia huruf (tulisan rahsia), ilmu kimia, kerohanian, sains ilmu ghaib dan ramalan, ilmu-ilmu yang bersangkutan dengan bahasa Arab seperti ilmu nahu, leksikografi, ilmu bayan dan kesusasteraan, serta pelbagai cabang ilmu yang lain. Beliau kemudian mengutuk falsafah dan ahli falsafah kerana beliau menganggap falsafah ialah satu cabang ilmu yang tidak berguna dan berbahaya kepada agama dan kepercayaan, serta membincangkan dan menyangkal beberapa prinsip falsafah. Beliau seterusnya membincangkan hal pendidikan, sistemnya, dan ciri-ciri para cendekiawan. Beliau mengakhiri bab tentang filologi, retorik, sajak prosa dan bentuknya yang digunakan ketika itu (Enan 2014: 86).

Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengkaji riwayat hidup Ibn Khaldun dan mengenal pasti pandangan beliau terhadap ilmu nahu dalam kitab *Muqaddimah*.

Metodologi Kajian

Kajian ini berteraskan kaedah kualitatif berbentuk analisis kandungan. Kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah pengkaji menjalankan kajian ke atas pelbagai jenis dokumen

merangkumi buku, tesis, jurnal, kertas kerja seminar dan bahan penerbitan lain dikumpulkan dan dianalisis secara deskriptif. pengkaji memberi keutamaan terhadap sumber primer dan sekunder dalam memilih sumber bagi membuat kajian berkaitan dengan sejarah Ibn Khaldun, kitab *Muqaddimah*, dan perbincangan ilmu nahu yang terdapat dalam kitab tersebut.

Sumber rujukan utama atau korpus kajian bagi kajian ini ialah Kitab *Muqaddimah* Ibn Khaldun terbitan *Dar al-Fikr*, Beirut tahun 1981. Pengkaji juga menggunakan Kitab *Muqaddimah* yang sudah diterjemah ke bahasa Malaysia terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 2009 yang bertajuk Mukaddimah Ibn Khaldun. Selain itu pengkaji merujuk kitab *Tarikh al-^cAllamah Ibn Khaldun*, terbitan *Dar al-Kitab al-Bannani*, Beirut.

Semua maklumat yang diperoleh sama ada dari sumber primer atau sekunder disaring, dinilai dan dikritik berasaskan metode kajian sejarah yang sesuai seperti *external criticism* dan *internal criticism* digunakan untuk memastikan ketulenan fakta yang diperoleh. Data yang diperoleh juga dianalisis secara deskriptif.

Dapatan Kajian

Menurut Ibn Khaldun, orang yang pertama menulis ilmu nahu ini ialah Abu al-Aswad al-Du'ali yang berasal daripada Bani Kinanah. Ba'albaki (2008: 2) menyokong kenyataan Ibn Khaldun ini berdasarkan petikan dalam bukunya:

Among those who are said to be the first to lay the foundations (rasama, wada'a) of Arabic grammar are Nasr b. 'Asim (d. 89/708) and 'Abdalrahman b. Hurmuz (d. 117/735). But the most widely accepted view according to the sources is that the founder of Arabic grammar is Abu al-Aswad al-Du'ali (d. 69/688).

Selanjutnya, Ibn Khaldun menyatakan bahawa Abu al-Aswad al-Du'ali menulis ilmu nahu ini disebabkan saranan daripada Saidina 'Ali RA terhadapnya. Apabila Sayidina 'Ali melihat perubahan keterampilan berbahasa dalam kalangan bangsa Arab, maka beliau menyuruh Abu al-Aswad al-Du'ali menghafaznya. Abu al-Aswad lebih tertarik memelihara bahasa Arab dengan kaedah-kaedah yang singkat dan induktif (Ibn Khaldun 2000: 792).

Kemudiannya, para sarjana setelah Abu al-Aswad al-Du'ali meneruskan usaha menghasilkan buku-buku ilmu nahu. Antara orang-orang yang mendahului usaha ini ialah al-Khalil ibn Ahmad al-Farahidi dan Sibawayh. Pada masa pemerintahan al-Rasyid atau pada masa orang sangat memerlukan ilmu nahu, al-Khalil ibn Ahmad al-Farahidi telah menyusun ilmu nahu dengan sistematik dengan cara dibahagikan mengikut bab. Dari beliau, Sibawayh mewarisi ilmu nahu dan kemudiannya melengkapkannya lagi secara terperinci. Sibawayh memperbanyakkan dalil berserta contoh. Kitab susunan beliau menjadi terkenal dan menjadi rujukan bagi setiap buku-buku nahu yang ditulis setelah itu. Berikutnya, Abu ^cAli al-Farisi dan Abu al-Qasim az-Zajaj menulis buku-buku ringkasan dari beberapa karya para pengulas, dengan mengikuti sistem dan kaedah yang digunakan (Ibn Khaldun 2000: 792-793).

Daripada kenyataan Ibn Khaldun di atas, diketahui bahawa al-Khalil ibn Ahmad al-Farahidi telah membuat penambahbaikan terhadap ilmu nahu. Perkara ini dijelaskan dengan lebih terperinci oleh (Dasuki 1996: 2) seperti berikut:

Al-Khalil Ibn Ahmad sendiri adalah ulama yang mengembangkan kaedah-kaedah dasar ilmu nahu dengan mempertajam dan memperkuat kaedah-kaedah dasar serta membuat kaedah-kaedah yang berhubung dengan pembentukan (*abniyah*), pemecahan (*ishtiqaq*), perubahan (*i'lal*) dan penggantian (*ibdal*) dalam nahu, di samping itu al-Khalil juga memperbaiki teori *awamil* (kata-kata yang mengubah keadaan kata yang lain) dan *ma'mulat* (kata-kata yang berubah kerana dipengaruhi oleh kata yang sebelumnya) dan menetapkan kaedah-kaedah *sima'i* (berdasarkan kebiasaan yang digunakan dalam bahasa Arab), *ta'lim* (perubahan kata yang disebabkan oleh alasan-alasan tertentu), dan *qiyas* (analogi bentuk kata).

Selain itu, kenyataan Ibn Khaldun menunjukkan bahawa al-Khalil ialah guru kepada Sibawayh. Perkara ini terbukti berdasarkan kajian yang dibuat oleh Rafael Talmon (1997: 329): “*He is well known as Sibawayhi's teacher. In fact, al-Khalil's name is mentioned 608 times by Sibawayhi, more than any other source.*”

Kemudian, perbincangan mengenai ilmu nahu menjadi panjang. Perbezaan pendapat terjadi antara para ahli di Kufah dan Basrah, iaitu dua kota masa lampau masyarakat Arab. Pelbagai dalil dan hujah muncul dalam kalangan mereka. Metode pengajaran (*ta'lim*) yang digunakan juga adalah berbeza-beza. Maka, timbul perbezaan pendapat mengenai *i'rab*. Perkara ini berlaku lama dalam kalangan para pelajar (Ibn Khaldun 2000: 973).

Kemudian, para ahli nahu mutakhir muncul dengan metodologi penulisan tatabahasa baru iaitu meringkaskan kaedah tatabahasa yang panjang lebar oleh ulama nahu terdahulu mengikut penguasaan ilmu masing-masing sebagaimana yang dilakukan oleh Ibn Malik di dalam kitab *al-Tashil*. Terdapat ahli nahu yang hanya memuatkan inti dan dasar-dasar ilmu nahu dalam penulisan mereka supaya penulisan menjadi ringkas dan padat sebagaimana dilakukan oleh al-Zamakhshari dalam *al-Mufassal* dan Ibn al-Hajib dalam *Muqaddimah* miliknya. Selain itu, para sarjana nahu juga menggunakan *nazam* (bait-bait puisi) sebagai metode penulisan dalam membahaskan ilmu nahu seperti yang dilakukan oleh Ibn Malik dalam dua bukunya iaitu *Urjuwzah al-Kubra* dan *Urjuwzah al-Sughra*, dan oleh Ibn Mu'ti dalam *al-Urjuwzah al-Alfiyyah* (Ibn Khaldun 2000: 793). Kenyataan Ibn Khaldun di atas adalah bertepatan dan telah dihuraikan dengan lebih lanjut oleh Arif Rahman (2013: 9) dalam petikannya:

Teori nahu permulaanya sederhana kemudian menjadi sangat rumit. Melihat fenomena ini, untuk mempermudah pembelajaran ilmu nahu kepada para pelajar, para sarjana awal menyedari ilmu nahu perlu disusun secara jelas, ringkas, dan padat, kepada para pelajar sesuai dengan tingkatan pendidikan mereka. Maka, buku-buku berbentuk ringkasan (*mukhtasar*) atau matan yang kadangkala satu buku boleh mengandungi beberapa tema nahu dasar yang ditulis secara ringkas dan sederhana sesuai dengan keperluan para pelajar telah disusun. Para sarjana awal tidak menggunakan perbincangan kaedah yang mendalam dan rinci, mereka juga menjauhkan tulisan mereka dari pelbagai perbezaan pendapat dalam sesuatu kaedah nahu. Antara kitab yang menggunakan metode penulisan seperti ini ialah kitab *al-Jumal* karya al-Zajjaji kitab *al-Wadih* karya al-Zabidi, kitab *al-Luma'* karya Ibn Jinni, *Qatr al-Nada'* karya Ibn Hisham al-Ansari dan kitab *Alfiyyah* Ibn Malik. Kebanyakan ulama nahu sekitar 5 abad pertama hijrah yang menulis tentang kaedah bahasa Arab menggunakan pola penulisan berupa atau syair yang mengandungi segala peraturan tentang bahasa Arab dalam perkataan-perkataan yang ringkas tetapi mengandungi makna yang dalam dan

luas. Bait-bait syair ini memudahkan para pelajar untuk menghafalnya kerana ditulis dengan gaya bahasa yang indah. Tulisan-tulisan mereka mengandungi kaedah yang ringkas dan padat yang merupakan inti dan dasar-dasar dari aturan nahu, mereka menamakan karya-karya mereka tersebut dengan nama *al-Mukhtasar*, *al-Mujaz* atau *al-Wajiz*, dan *al-Muqaddimah* atau *al-Madkhal*.

Ringkasnya, terdapat begitu banyak karya tentang disiplin ini untuk dihitung dan dikuasai. Metode atau kaedah pengajaran ilmu nahu juga berbeza-beza. Metode pengajaran yang diguna pakai para sarjana ilmu nahu masa lampau adalah berbeza dengan cara yang diguna pakai oleh sarjana-sarjana terkemudian. Begitu juga metode yang diguna pakai antara para sarjana Kufah, Basrah, Baghdad, dan Andalusia adalah berbeza-beza antara satu sama lain (Ibn Khaldun 2000: 793).

Bagi Ibn Khaldun, ilmu nahu telah sampai pada suatu peringkat yang boleh dikatakan lengkap. Kemudian beliau menceritakan tentang sebuah *diwan* yang dinisbahkan kepada Jamal al-Din ibn Hisham, seorang ulama dari Mesir. *Diwan* ini merujuk kepada buku yang berjudul *Mugni fi al-i'rab* iaitu *Mugni al-Labib 'an Kutubil al-A'arib*. Di dalam buku ini, Ibn Hisham telah menulis dengan sempurna, menyeluruh, dan terperinci tentang hukum-hukum *i'rab*. Ibn Hisham berbicara mengenai huruf, padanan kata, dan perkataan. Dalam buku ini juga, beliau menunjukkan titik-titik *i'rab* dalam al-Quran secara keseluruhannya, serta menyesuaikan dengan bab-bab, fasal-fasal, dan kaedah-kaedah yang membentuk semuanya itu (Ibn Khaldun 2000: 793-794).

Melalui Ibn Hisham, kita dapat menguasai ilmu nahu secara menyeluruh, dan secara tidak langsung menunjukkan ketinggian dan kehebatan ilmu Ibn Hisham dalam bidang ini. Ibn Khaldun menyebut Ibn Hisham sebagai manusia unik dalam sejarah perkembangan bahasa Arab kerana beliau berjaya menguasai keseluruhan subjeknya, terutama berkaitan dengan nahu. Menurut Ibn Khaldun lagi, Ibn Hisham mengikuti metode yang digunapakai oleh para sarjana nahu Mosul iaitu sebuah tempat di Iraq, yang mengikuti langkah Ibn Jinni dalam metode pengajaran atau *ta'limnya* yang merupakan metode penulisan yang *ikhtisar* dan menggunakan pandangan yang singkat. Maka, dengan kombinasi seperti itu, Ibn Hisham berjaya menampilkan sesuatu yang menakjubkan (Ibn Khaldun 2000: 794). Berikut ialah senarai nama tokoh-tokoh nahu dan karya mereka yang disebut secara langsung atau tidak langsung oleh Ibn Khaldun dalam kitab *Muqaddimah*:

Jadual 1 Tokoh-tokoh Ilmu Nahu dalam *Muqaddimah*

Tokoh	Kitab	Catatan Ibn Khaldun
Saidina 'Ali RA	-	<ul style="list-style-type: none"> Menyarankan Abu al-Aswad ad-Du'ali untuk menulis ilmu nahu apabila melihat perubahan keterampilan berbahasa di kalangan bangsa Arab.
Abu al-Aswad al-Du'ali (madrasah Basrah)	-	<ul style="list-style-type: none"> Orang yang pertama menulis ilmu nahu atas saranan daripada Saidina 'Ali RA. Berasal daripada Bani Kinanah. Menggunakan kaedah-kaedah yang singkat dan induktif dalam kaedah penulisannya.

al-Khalil ibn Ahmad al-Farahidi (madrasah Basrah)	<i>Kitab al-ʿAyn</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Meneruskan penghasilan buku-buku ilmu nahu. • Semasa pemerintahan al-Rashid, beliau telah menyusun ilmu nahu dengan sistematik dengan cara membahagikannya mengikut bab. • Perbincangan mengenai Kitab <i>al-ʿAyn</i> dibincangkan secara terperinci oleh Ibn Khaldun dalam sub topik seterusnya iaitu ilmu linguistik.
Sibawayh (madrasah Basrah)	<i>Kitab Sibawayh</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Mewarisi ilmu nahu daripada al-Khalil ibn Ahmad al-Farahidi • Menyusun ilmu nahu dengan lebih terperinci dan memperbanyakkan dalil berserta contoh. • Kitab susunan beliau menjadi terkenal dan menjadi rujukan setiap buku nahu yang ditulis setelah itu.
Abu ʿAli al-Farisi (madrasah Baghdad)	<i>al-Idah</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Menulis buku-buku ringkasan dari beberapa karya para pengulas, dengan mengikut sistem dan kaedah yang digunakan.
Abu al-Qasim al-Zajjaji (madrasah Baghdad)	<i>al-Jumal</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Menulis buku-buku ringkasan dari beberapa karya para pengulas, dengan mengikut sistem dan kaedah yang digunakan.
Ibn Malik	<i>Kitab at-Tashil</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan kaedah sendiri dalam membuat ringkasan. • Meringkaskan pelbagai keterangan yang panjang lebar tentang ilmu nahu.
al-Zamakhshari (madrasah Baghdad <i>Mutaʿakhir</i>)	<i>al-Mufassal</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Metode penulisan yang ringkas, mudah dan jelas tetapi padat dengan dasar-dasar ilmu nahu untuk memudahkan para pelajar.
Ibn al-Hajib (madrasah Mesir)	<i>Muqaddimah</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Metode penulisan yang ringkas, mudah dan jelas tetapi padat dengan dasar-dasar ilmu nahu untuk memudahkan para pelajar.
Ibn Malik (madrasah Andalus)	<i>Urjuwzah al-Kubra, Urjuwzah al-Sughra (Alfiyah Ibn Malik)</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Menulis ilmu nahu dalam bentuk <i>nazam</i>
Ibn Muʿti (madrasah Mesir)	<i>al-Urjuwzah al-Alfiyyah</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Menulis ilmu nahu dalam bentuk <i>nazom</i>
Jamal al-Din ibn Hisham (madrasah Mesir)	<i>Mugni al-Labib ʿan Kutubil al-ʿAarib</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Seorang ulama dari Mesir, telah menulis dengan sempurna, menyeluruh, dan terperinci hukum-hukum <i>iʿrab</i> dalam buku ini. • Turut menunjukkan tanda-tanda <i>iʿrab</i> dalam al-Quran secara keseluruhannya, serta menyesuaikan dengan bab-bab, fasal-fasal, dan kaedah-kaedah yang membentuk semuanya itu. • Ibn Khaldun mengiktiraf kehebatan Ibn Hisham. • Ibn Hisham mengikut metode yang diguna pakai oleh para sarjana nahu Mawsul.
Ibn Jinni (madrasah Baghdad)	<i>al-Lumaʿ fi al-ʿArabiyyah</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Metode pengajaran beliau diikuti oleh para sarjana dari Mawsul iaitu salah satu tempat di Iraq yang merupakan tempat kelahiran Ibn Jinni.

Sumber: Ibn Khaldun (1981: 545-547)

Perbincangan Dapatan Kajian

Berdasarkan kajian terhadap catatan Ibn Khaldun berikut, pengkaji mendapati beliau mempunyai pengetahuan yang sangat luas perihal ilmu berkaitan bahasa Arab. Ibn Khaldun dapat menghuraikan dengan cukup baik dan cermat perbincangan mengenai ilmu nahu dan kepentingannya serta sejarah perkembangan ilmu nahu tersebut secara terperinci mengikut kronologi. Dalam perbincangan mengenai sejarah perkembangan ilmu nahu ini, Ibn Khaldun telah mencatatkan nama-nama tokoh ilmu nahu dan kitab-kitab terkenal yang menjadi dasar rujukan ulama nahu ketika itu. Seramai 13 orang nama tokoh nahu yang disebut oleh Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah*nya. Huraian yang membahaskan tentang tokoh-tokoh nahu tersebut adalah bertepatan dengan fakta sarjana kotemporari. Ibn Khaldun mencermati, menyaring, dan menilai setiap fakta yang dicatat menjadikan catatannya tepat.

Walaupun Ibn Khaldun tidak mengklasifikasikan tokoh-tokoh nahu tersebut berdasarkan aliran madrasah, namun pengkaji mendapati nama-nama tersebut disusun mengikut aliran kemunculan madrasah-madrasah berkenaan bermula dari madrasah Basrah, Baghdad, Andalus, dan Mesir. Berdasarkan analisis yang dibuat, walaupun pengkaji mendapati Ibn Khaldun tidak menyebut sebarang nama tokoh yang mewakili madrasah Kufah seperti al-Ruasi, al-Kisa'i, atau al-Farra'. Tetapi, Ibn Khaldun tetap menyentuh dasar perbincangan secara umum mengenai madrasah Kufah. Ini bermaksud, tiada rantaian yang putus dalam perbincangan mengenai sejarah perkembangan ilmu nahu dalam kitab *Muqaddimah*.

Tokoh-tokoh yang disebut Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* ialah tokoh-tokoh yang mengungguli setiap madrasah tersebut. Madrasah Basrah diwakili oleh nama-nama besar seperti Abu al-Aswad al-Duali, al-Khalil ibn Ahmad al-Farahidi, dan Sibawayh. Tokoh madrasah Baghdad pula ialah Abu Ali al-Farisi, Abu al-Qasim az-Zajjaji, al-Zamakhshari dan Ibn Jinni. Madrasah Andalus diwakili oleh Ibn Malik dan tokoh madrasah Mesir diwakili oleh Ibn Mu'ṭi dan Jamal al-Din ibn Hisham.

Berkaitan kitab-kitab nahu, Ibn Khaldun telah mencatatkan 7 judul kitab nahu secara spesifik dalam *Muqaddimah*nya, iaitu kitab *at-Tashil*, *al-Mufassal*, *Muqaddimah* Ibn Hajib, *Urjuwzah al-Kubra*, *Urjuwzah al-Sughra*, *al-Urjuwzah al-Alfiyyah* Ibn Mu'ṭi, dan *Mugni al-Labib 'an Kutubil al-^cAarib*. Selanjutnya, terdapat kitab-kitab nahu yang tidak dicatat secara spesifik namanya namun, Ibn Khaldun telah menghuraikan metode penulisan yang digunapakai oleh kitab tersebut. Justeru, berdasarkan analisis yang teliti, pengkaji mengenalpasti nama-nama kitab berkenaan iaitu *al-Kitab* atau dikenali juga *Kitab Sibawayh* karangan Sibawayh, kitab *al-Idah* karangan Abu Ali al-Farisi, kitab *al-Jumal* karangan Abu al-Qasim az-Zajjaji, dan kitab *al-Luma^c* oleh Ibn Jinni.

Selanjutnya, berdasarkan kajian terhadap keseluruhan perbincangan perkembangan ilmu nahu menurut pandangan Ibn Khaldun. Berdasarkan penelitian, Ibn Khaldun tidak mengklasifikasikan perkembangan ilmu nahu kepada empat tahap utama seperti yang dicadangkan aal-Tantawi (1969: 27) iaitu tahap penciptaan dan pembentukan, tahap pertumbuhan dan perkembangan, tahap kematangan dan kesempurnaan, serta tahap pengukuhan, penyusunan dan pembukuan, tetapi perbincangan beliau tentang perkembangan ilmu ini sudah mencakupi dan mewakili keempat-empat tahap tersebut.

Kesimpulan

Kesimpulannya, diharap perbincangan ilmiah ringkas dalam artikel ini dapat memberikan sedikit pencerahan dan manfaat kepada pembaca. Kajian ini hanya menyentuh salah satu teras daripada 4 teras utama dalam bahasa Arab. Pengkaji mencadangkan lebih banyak analisis dan kajian lanjutan dalam pelbagai aspek terhadap ilmu *al-lisan al-'Arabi* seperti ilmu linguistik, ilmu *bayan* (gaya bahasa), dan ilmu kesusasteraan Arab yang terdapat dalam *Muqaddimah*. Hasil kajian ini dapat membuka sudut pandang ahli akademik dan masyarakat umum berkenaan kitab *Muqaddimah* yang bukan sekadar kitab sejarah yang agung, namun merupakan kitab pelbagai disiplin ilmu termasuk ilmu bahasa Arab. Selain itu, hasil kajian ini digunakan sebagai lonjakan bagi menggerakkan pengkajian dengan lebih giat dalam lapangan ilmu ini.

Penghargaan

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan dana GUP-2015-016 dan jutaan terima kasih kepada UKM kerana memberi kami dana bagi menjalankan kajian ini.

Rujukan

- Abdurrahman Kasdi. 2014. Pemikiran Ibnu Khaldun dalam Perspektif Sosiologi dan Filsafat Sejarah. *Fikrah: Jurnal Ilmu Aqidah dan Studi Keagamaan*, 2(2): 291-307.
- Baalbaki, Ramzi. 2008. *The Legacy of the Kitab*. Boston: BRILL.
- Dasuki, H.A. 1996. *Suplemen Ensiklopedia Islam*. Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Dayf, Shawqi. 1972. *al-Madaris al-Nahwiyyah*. Qaherah: Dar al-Ma'arif.
- Enan, M.A. 1784. *Ibn Khaldun: His Live and Works*. New Delhi: Kitab Bhavan.
- Enan, M.A. 1941. *Ibn Khaldun: His Life and Works*. Lahore: M. Ashraf.
- Enan, M.A. 2012. *Ibnu Khaldun Riwayat Hidup dan Karyanya*. Terj. Mohd Puzhi Usop & Nik Haslina Nik Ibrahim. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia*. 1998. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hakim, Arif Rahman. 2013. Mempermudah pembelajaran ilmu nahwu abad-20. *Jurnal al-Maqoyis* 1(1): 1-26
- Ibn Khaldun, °Abd al-Rahman 1981. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Khaldun, °Abd al-Rahman. 1968. *Al-Ta'rif bi Ibn Khaldun wa Rihlatuhu Gharban wa Sharqan*. Qaherah: t.pt.
- Ibn Khaldun, °Abd al-Rahman. 2013. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Dar Maktabah al-Ma'arif.
- Maria Aman @ Ab. Rahman. 2001. Pemikiran Ibnu Khaldun dan sumbangannya dalam bidang Falsafah. Latihan Ilmiah, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Osman Bakar & Baharudin Ahmad (pnyt.). 2009. *Proceedings International Conference Ibn Khaldun's Legacy and its Significance*. ISTAC, IIUM.
- Suhaila Zailani @ Haji Ahmad dan Salamiah Ab. Ghani dan Ummu Hani Hj. Hashim dan Khazri Osman dan Zainuddin Ismail dan Hakim Zainal. (2012). *Modul Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi Al-Quran*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab. Unit Bahasa Arab, UKM, Bangi. 255- 256.
- Talmon, Rafael. 1997. *Arabic grammar in its formative age: Kitab al-°ayn and its attribution to Khalil b. Ahmad*. New York: E.J. Brill.
- Ulis Dwi Wardani. 2009. *Studi mengenai pemikiran Ibnu Khaldun dalam penulisan sejarah tahun 1374-1382 M*. Tesis Sarjana, Universiti Sebelas Maret.